

Jawapan

Praktis 1



1.1 Skala

- 1 (a) Skala penyata; Skala yang dinyatakan dalam bentuk ayat atau pernyataan
(b) Skala lurus; Skala yang berbentuk satu garisan lurus dan dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama jarak
(c) Pecahan wakilan; Skala yang dinyatakan dalam bentuk nisbah atau pecahan
- 2 (a) Skala lurus
(b) Skala penyata
(c) Pecahan wakilan

1.2 Jarak

- 1 (a) Jarak relatif (b) Jarak mutlak
2 (a) tetap (c) kilometer
(b) meter
3 (a) kos (c) perjalanan
(b) tambang
4 (a) Jarak relatif (e) Jarak relatif
(b) Jarak relatif (f) Jarak mutlak
(c) Jarak mutlak (g) Jarak mutlak
(d) Jarak relatif

1.3 Menentukan Jarak Sebenar Menggunakan Skala

- 1 (a) 1 cm mewakili 1 km
(b) 1
(c) 10
(d) 10
- 2 (a) 
(b) 1 cm mewakili 1 km
- 3 (a) Skala penyata dinyatakan dalam pernyataan seperti 2 cm mewakili 2 km. Hal ini bermaksud 2 cm yang diukur pada peta topografi atau peta lakar mempunyai nilai 2 km di atas permukaan bumi.
(b) Skala lurus menunjukkan nisbah jarak di atas peta berbanding dengan jarak sebenar di atas permukaan bumi dalam bentuk garisan lurus.

(Skala lurus mudah)
(c) (i) Pecahan wakilan merupakan skala yang tidak menggunakan sebarang unit ukuran.

- (ii) Skala ini dinyatakan dalam bentuk pecahan atau nisbah yang ditulis 1 : X. Contohnya, 1 : 50 000
(iii) Angka di hadapan pecahan wakilan merupakan unit di atas peta.
(iv) Angka selepasnya ialah ukuran sebenar di permukaan bumi.
(v) Cara membaca skala pecahan wakilan di atas ialah 1 cm mewakili 50 000 cm atas permukaan bumi atau 1 cm mewakili 0.5 km atas permukaan bumi.

1.4 Menentukan Jarak Sebenar Menggunakan Skala pada Peta

- 1 (a) (i) 5.5 cm (ii) 2.75 km
(b) (i) 12 cm (ii) 12 km
(c) (i) 9.2 cm (ii) 18.4 km
(d) (i) 5 cm (ii) 2.5 km
(e) (i) 5 cm (ii) 5 km
(f) (i) 6 cm (ii) 6 km
- 2 (a) (i) 5 cm (ii) 5 km
(b) (i) 1 cm (ii) 1 km
(c) (i) 3 cm (ii) 3 km
(d) (i) 9.7 cm (ii) 9.7 km
(e) (i) 4.3 cm (ii) 4.3 km
(f) (i) 9.8 cm (ii) 9.8 km

Praktis 2

2.1 Maksud Peta Topografi

- 1 Peta topografi ialah peta yang menunjukkan keadaan bentuk muka bumi sesebuah kawasan dan mempunyai garisan grid secara menegak dan melintang.
- 2 (a) Tajuk (c) Skala
(b) Petunjuk

2.2 Garisan Timuran dan Garisan Utaraan

- 1 (a) (i) Menegak (ii) Melintang
(b) (i) Timur (ii) Utara
(c) (i) Timur (ii) Utara
- 2 (a) Garisan Timuran
(b) Garisan Utaraan

2.3 Rujukan Grid

- 1 (a) RG3360 (c) RG3059
(b) RG3160 (d) RG3258; 3359
- 2 (a) RG315607 (c) RG355584
(b) RG344618 (d) RG365589

2.4 Ciri Pandang Darat Fizikal dan Ciri Pandang Darat Budaya

- 1 (a) Kontur (d) Getah
(b) Rumput (e) Jambatan
(c) Tanjung (f) Wakil pos
- 2 (a) Calet, jeti, pelabuhan
(b) Getah, kelapa sawit, rumah
(c) Hotel, tanaman teh, sayur-sayuran
(d) Pangkalan bot, jeti, paip saluran air

2.5 Mentafsir Peta Topografi

- 1 (a) Lihat peta secara keseluruhan untuk mendapatkan gambaran umum kawasan yang ingin dikaji
(b) Kenal pasti ciri pandang darat budaya dan ciri pandang darat fizikal di dalam peta tersebut
(c) Kaitkan ciri pandang darat fizikal dengan ciri pandang darat budaya
(d) Buat tafsiran terperinci berdasarkan maklumat dan bukti yang terkandung di dalam peta

2 *Jawapan oleh murid*

Praktis 3

3.1 Pergerakan Bumi

- 1 (a) Putaran (b) Peredaran
2 (a) Putaran bumi, iaitu bumi berputar di atas paksinya
(b) Peredaran bumi, iaitu bumi beredar mengelilingi matahari di atas orbitnya

3.2 Putaran Bumi

3.3 Peredaran Bumi

- 1 (a) (i) paksinya (ii) orbitnya
(b) (i) $23\frac{1}{2}^\circ$ (iv) Matahari
(ii) barat; timur (v) $365\frac{1}{4}$
(iii) 24 (vi) $23\frac{1}{2}$
- 2 (a) 24 jam (b) Setahun
- 3 (a) Siang dan malam
(b) Pasang surut air laut
(c) Pembiasan angin lazim
(d) Perbezaan waktu tempatan
- 4 (a) • Matahari tengah hari tegak di atas kepala di garisan Khatulistiwa
• Siang dan malam sama panjang di hemisfera utara dan hemisfera selatan
• Hemisfera utara mengalami musim bunga manakala hemisfera selatan mengalami musim luruh
(b) • Matahari tengah hari tegak di Garisan Sartan
• Siang lebih panjang di hemisfera utara dan malam lebih panjang di hemisfera selatan

- Hemisfera utara mengalami musim panas dan hemisfera selatan mengalami musim sejuk
- (c) • Matahari tengah hari tegak di Garisan Khatulistiwa
• Siang dan malam sama panjang di hemisfera utara dan hemisfera selatan
• Hemisfera utara mengalami musim luruh dan hemisfera selatan mengalami musim bunga
- (d) • Matahari tengah hari tegak di atas kepala di Garisan Jadi
• Malam lebih panjang di hemisfera utara
• Siang lebih panjang di hemisfera selatan
• Hemisfera utara mengalami musim sejuk dan hemisfera selatan mengalami musim panas
• Kutub utara mengalami 24 jam malam manakala kutub selatan mengalami 24 jam siang (November-April)
- 5 (a) Pembiasan angin lazim
(b) Kejadian siang dan malam
(c) Pasang surut air laut
(d) Fenomena gerhana bulan dan matahari
(e) Kejadian empat musim
- 6 *Pemarkahan bergantung pada hasil kerja murid*

Praktis 4

4.1 Jenis dan Ciri Iklim di Malaysia

- 1 Malaysia mengalami iklim khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun.
- 2 (a) (i) Suhu di Malaysia adalah tinggi dan mengalami kadar suhu yang hampir sekata sepanjang tahun
(ii) Min suhu tahunan bagi iklim di Malaysia adalah tinggi, iaitu 27°C
(iii) Julat suhu tahunan bagi iklim di Malaysia adalah kecil, iaitu antara 1°C hingga 3°C
- (b) (i) Malaysia antara negara yang menerima hujan sepanjang tahun
(ii) Jumlah hujan tahunan yang diterima oleh Malaysia adalah sekitar 2 600 mm
(iii) Malaysia menerima dua jenis hujan, iaitu hujan perolakan dan hujan bukit
(iv) Antara kawasan di Malaysia yang menerima hujan paling rendah ialah Kuala Pilah
- (c) (i) Antara jenis angin monsun ialah angin Monsun Barat Daya dan angin Monsun Timur Laut
(ii) Angin Sumatera yang bertiup bermula pada waktu malam hingga waktu subuh ke pantai barat Semenanjung Malaysia dengan kadar tiupan yang kencang

secara tiba-tiba

- (iii) Bagi angin tempatan pula, terdapat dua jenis, iaitu bayu darat dan bayu laut

- 3 (a) (i) Bayu laut
- (ii) Terjadi pada waktu siang
- (iii) Udara bergerak dari laut yang mempunyai tekanan udara yang tinggi ke daratan yang mempunyai tekanan udara yang rendah
- (b) (i) Bayu darat
- (ii) Terjadi pada waktu malam
- (iii) Udara bergerak dari daratan yang mempunyai tekanan udara yang tinggi ke laut yang mempunyai tekanan udara yang rendah

4.2 Pengaruh Cuaca dan Iklim terhadap Kegiatan Manusia di Malaysia

1 Jawapan oleh murid

4.3 Kesan Kegiatan Manusia terhadap Cuaca dan Iklim di Malaysia

- 1 (a) (i) Menjemur ikan menjadi ikan kering
- (ii) Bermain terlalu lama di kawasan lapang semasa panas terik dikhuatiri terkena strok haba
- (b) (i) Pertanian
- (ii) Aktiviti pembalakan sukar dijalankan pada musim tengkujuh kerana jalan licin dan terdedah kepada bahaya kejadian tanah runtuh
- (c) (i) Bermain layang-layang
- (ii) Aktiviti perikanan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia kerana Laut China Selatan bergelora semasa tiupan angin Monsun Timur Laut
- 2 (a) Kesan rumah hijau
 - (i) Aktiviti melupuskan sampah
 - (ii) Aktiviti membakar bahan api fosil
 - (iii) Aktiviti membakar sisa-sisa pertanian
 - (iv) Aktiviti membakar hutan
 - (v) Aktiviti pembalakan
- (b) Pulau haba
 - (i) Bangunan konkrit dan permukaan yang berturap
 - (ii) Kekurangan litupan tumbuh-tumbuhan
 - (iii) Jumlah kenderaan yang tinggi sehingga berlaku kesesakan jalan raya
 - (iv) Bahan pencemar yang dikeluarkan oleh kenderaan bermotor dan kilang
- 3 (a) Hujan asid
 - (i) Menjejaskan tanaman dan tumbuh-tumbuhan
 - (ii) Melunturkan warna cat sehingga dinding bangunan terhakis

- (iii) Kualiti air terjejas dan hidupan akuatik semakin pupus

- (iv) Kesihatan manusia terancam

- (b) Jerebu
 - (i) Jarak penglihatan menjadi terhad
 - (ii) Pertumbuhan tanaman terganggu
 - (iii) Kesihatan terjejas
 - (iv) Aktiviti pengangkutan terjejas

4 Jawapan oleh murid

4.4 Perubahan Cuaca dan Iklim di Malaysia

- 1 (a) (i) Fenomena yang berkaitan dengan pemanasan suhu luar biasa yang berlaku di Lautan Pasifik sehingga menyebabkan wujud perubahan pada pola tiupan angin dan tekanan udara.
- (ii) Fenomena ini menyebabkan tiupan angin timuran menjadi lemah akibat tekanan udara yang rendah.
- (iii) Angin baratan yang bertiup ke timur lautan pasifik menggantikan angin timuran.
- (iv) Perubahan ini menyebabkan negara di barat Lautan Pasifik mengalami kemarau.
- (v) Manakala hujan lebat berlaku pada negara di sebelah timur Lautan Pasifik.
- (b) (i) Fenomena ini merupakan gejala gangguan iklim yang berlaku akibat penurunan suhu permukaan laut pada bahagian timur dan tengah Lautan Pasifik.
- (ii) Fenomena ini juga menyebabkan berlaku penurunan suhu secara lebih rendah daripada biasa.
- (iii) Fenomena ini mewujudkan keadaan luar biasa seperti membentuk awan yang tebal dan hujan lebat yang luar biasa yang berisiko menyebabkan banjir besar berlaku.
- (iv) Secara umumnya, bagi situasi di Malaysia, fenomena ini berlaku kepada negeri yang berada di pantai timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Praktis 5

5.1 Pengangkutan Darat di Malaysia

- 1 (a) Lebuhraya Utara-Selatan
- (b) Lebuhraya Persekutuan
- (c) Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak
- (d) Lebuhraya Pantai Timur
- (e) Lebuhraya Timur-Barat
- (f) Lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang-Kuala Lipis

- (g) Lebuhraya Tun Razak
- (h) Lebuhraya Pan Borneo (dalam pembinaan)
- 2 (a) Padang Besar (Perlis); Johor Bahru (Johor)
- (b) Tumpat (Kelantan); Gemas (Negeri Sembilan)
- (c) Tanjung Aru; Papar; Beaufort; Tenom

5.2 Pengangkutan Udara dan Air di Malaysia

- 1 (a) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
- (b) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2)
- (c) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
- (d) Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi
- (e) Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- (f) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
- (g) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu
- (h) Pelabuhan Pulau Pinang
- (i) Pelabuhan Klang
- (j) Pelabuhan Kuantan
- (k) Pelabuhan Tanjung Pelepas
- (l) Pelabuhan Bintulu
- (m) Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar

5.3 Pengangkutan Awam di Malaysia

- 1 (a) Pengangkutan darat (teksi, bas, beca, kereta api, MRT, LRT, ERL, dan komuter)
- (b) Pengangkutan air/laut (feri, bot dan kapal)
- (c) Pengangkutan udara (kapal terbang)
- 2 (a) Sistem Transit Aliran Ringan (STAR LRT)
- (b) Transit Aliran Massa (MRT)
- (c) Express Rail Link (ERL)
- (d) Projek Usahasama Transit Ringan Automatik (PUTRA LRT)
- (e) Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS)
- (f) Monorail

5.4 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Jaringan Pengangkutan di Malaysia

- 1 (a) Dasar kerajaan
- (b) Kegiatan ekonomi
- (c) Kemajuan teknologi
- (d) Bentuk muka bumi
- 2 (a) Dataran pamah yang rata di dataran Pantai Barat Semenanjung Malaysia Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan Pantai Utara Sabah mempunyai jaringan pengangkutan darat yang padat.
- (b) Lembah sungai yang menjadi tumpuan penduduk seperti di Lembah Klang dan Lembah Kinta juga mempunyai jaringan pengangkutan darat yang padat.
- (c) Tanah tinggi dan bergunung-ganang seperti di Banjaran Titiwangsa, Pergunungan Hose

- dan Pergunungan Iran mempunyai jaringan pengangkutan yang kurang maju kerana mempunyai cerun curam dan jurang yang menyukarkan pembinaan jalan darat.
- (d) Kawasan berpaya seperti di pinggir laut Sarawak dan Pantai Timur Sabah mempunyai sistem jalan raya yang kurang maju.

5.5 Kepentingan Pengangkutan Darat, Udara dan Air di Malaysia

- 1 (a) Kapal kontena
- (b) Kereta/teksi/bas
- (c) Kapal terbang
- (d) Kereta/teksi/bas/kereta api
- (e) Kapal terbang/kapal kontena
- (f) Kapal terbang
- 2 (a) (i) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar utama
- (ii) Mengurangkan pencemaran udara
- (iii) Menjimatkan masa perjalanan
- (b) (i) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar utama
- (ii) Mewujudkan peluang pekerjaan
- (iii) Menjimatkan masa perjalanan
- (c) (i) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar utama
- (ii) Mewujudkan peluang pekerjaan
- (iii) Menjimatkan masa perjalanan
- (d) (i) Darjah ketersampaian tinggi – Penduduk boleh membuat pilihan pengangkutan untuk sampai
- (ii) Merancang waktu perjalanan
- (iii) Meningkatkan ekonomi negara
- (e) (i) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar utama
- (ii) Mengurangkan pencemaran udara
- (iii) Menjimatkan masa perjalanan
- (f) (i) Mengurangkan pencemaran udara
- (ii) Merancang waktu perjalanan
- (iii) Meningkatkan ekonomi negara

5.6 Kepentingan Pengangkutan Awam di Malaysia

- 1 (a) Meningkatkan ekonomi negara
- (b) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar utama
- (c) Mengurangkan kadar pencemaran udara

5.7 Amalan Pengangkutan Lestari

- 1 (a) Mengurangkan hakisan
- (b) Meminimumkan kemusnahan flora dan fauna
- (c) Meningkatkan keselamatan pengangkutan
- (d) Mengurangkan kos bahan api

Praktis 6

6.1 Alat Telekomunikasi di Malaysia

- 1 (a) Sangat jauh
(b) Proses untuk menghantar maklumat yang melibatkan masyarakat
(c) Interaksi yang melibatkan jarak yang jauh antara penyampai dengan penerima
(d) Sistem penentududukan sejagat
- 2 (a) Telegraf
(b) Telefon
(c) Mesin teleks
(d) Mesin faks
(e) Telefon bimbit
(f) Telefon pintar
- 3 (a) Telegraf; vi
(b) Telefon; iii
(c) Mesin teleks; iv
(d) Mesin faks; ii
(e) Telefon bimbit; v
(f) Telefon pintar; i

6.2 Kemajuan Alat Telekomunikasi di Malaysia

- 1 (a) TiungSAT-1
(b) RazakSAT
(c) MEASAT-1
(d) MEASAT-2
(e) MEASAT-3
(f) MEASAT-3a; MEASAT-3b

6.3 Kepentingan Telekomunikasi di Malaysia

- 1 (a) Memudahkan aktiviti komunikasi di seluruh dunia
(b) Menjadikan sistem pengurusan dan pentadbiran negara lebih sistematik dan teratur
(c) Memperkukuh integrasi dan perpaduan negara
(d) Menjadikan peluang pendidikan lebih luas dan mengurangkan kos melalui e-pembelajaran
(e) Data yang diperoleh dapat disimpan dengan lebih cepat dan selamat
(f) Pengurusan wang di seluruh dunia dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan lancar melalui aktiviti kewangan dan perkhidmatan perbankan secara atas talian
(g) Pelbagai maklumat dari seluruh dunia dapat diperoleh dengan mudah dan cepat melalui penggunaan Internet
(h) Siaran langsung di televisyen dapat disaksikan melalui penggunaan aplikasi satelit
(i) Data ramalan cuaca dan fenomena alam

dapat diperoleh dengan lebih cepat, tepat dan terperinci melalui penggunaan satelit cuaca

- (j) Menjadikan urusan kerajaan dan swasta lebih cepat dan berkesan
- (k) Mengeratkan dan memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat
(Pilih mana-mana lima jawapan)

6.4 Kesan Telekomunikasi terhadap Pembangunan Negara

- 1 (a) Telesidang:
Interaksi secara maya
(b) Perkhidmatan telekesihatan:
Pemeriksaan kesihatan dapat dijalankan secara jarak jauh dengan menggunakan teknologi komunikasi
(c) Peluang pekerjaan:
Pelbagai peluang kerajaan dapat diwujudkan hasil daripada perkembangan pesat dalam pelbagai sektor
(d) Multimedia interaktif:
Memudahkan dan meningkatkan proses pendidikan dalam sistem pembelajaran
(e) Dunia tanpa sempadan:
Kemajuan dalam Internet membantu memudahkan dan mempercepat pencarian maklumat
- 2 (a) (i) Mewujudkan sistem e-dagang yang membolehkan perkhidmatan dan jual beli dijalankan secara atas talian
(ii) Mewujudkan sistem e-kerajaan yang memudahkan rakyat berurusan dengan agensi kerajaan secara lebih mudah dan cepat
(iii) Mewujudkan sistem e-perbankan yang memudahkan urusan perbankan
(b) (i) Wujud maklumat berunsur negatif yang sukar ditapis seperti hasutan dan khabar angin
(ii) Wujud risiko penceroohan dan pencurian maklumat dalam sistem pangkalan data secara atas talian
(iii) Wujud ketidaktepatan dalam maklumat yang tersebar di laman sesawang
- 3 (a) Perkhidmatan dan aktiviti jual beli secara atas talian
(b) Urusan rakyat dengan agensi kerajaan dijalankan secara lebih mudah dan cepat
(c) Urusan berkaitan perbankan dapat dijalankan di mana-mana sahaja

6.5 Penggunaan Alat Telekomunikasi Secara Beretika

- 1 (a) Menggunakan kemudahan telekomunikasi

- untuk perkara yang berfaedah
- (b) Menghargai setiap hasil karya dengan mengelakkan aktiviti plagiat
 - (c) Berkomunikasi secara baik dan berhemah
 - (d) Merahsiakan maklumat peribadi seperti kata laluan daripada terdedah kepada umum
 - (e) Memastikan kesahihan sesuatu berita yang diperolehi dalam Internet
 - (f) Mengelakkan daripada mengganggu dan merosakkan sistem komunikasi orang lain

- (g) Mematuhi sepenuhnya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- (h) Menjaga sensitiviti semua pihak termasuk mengelak daripada menyentuh isu-isu sensitif yang melanggar undang-undang dan norma

(Pilih mana-mana enam jawapan)

- 2**
- (a) *Jawapan oleh murid*
 - (b) *Jawapan oleh murid*
 - (c) *Jawapan oleh murid*